

10/06/1997

Cuepacs sokong langkah perangi rasuah

KUALA LUMPUR, Isnin - Cuepacs menyokong langkah tegas kerajaan untuk memerangi gejala rasuah di kalangan kakitangan kerajaan dan masyarakat.

Setiausaha Agungnya, N. Siva Subramaniam dalam satu kenyataan hari ini berkata, Cuepacs turut menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rasuah dibasmi tanpa mengira sesiapa.

Cuepacs menyokong segala langkah yang disusun oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk membasmi gejala itu terutama di kalangan kakitangan kerajaan dan bersedia memberi kerjasama kepada badan berkenaan, katanya.

Cuepacs juga menyambut baik pengisytiharan harta oleh semua kakitangan kerajaan termasuk Ketua Jabatan dan mensifatkan langkah itu sebagai positif.

Beliau bagaimanapun berharap kerajaan memperkemaskan lagi peraturan pengisytiharan harta untuk kakitangan kerajaan supaya lebih teratur.

Kakitangan kumpulan A dan B dikehendaki mengisytiharkan harta apabila mereka memasuki Perkhidmatan awam dan sebelum bersara.

"Kita yakin dengan langkah-langkah tegas yang disusun oleh kerajaan akan menjadi satu amaran kepada mereka yang terlibat dalam rasuah," katanya.

Walaupun hanya segelintir sahaja yang terlibat, Cuepacs yakin tindakan kerajaan secara tegas akan membuktikan betapa serius kerajaan dalam usaha ini," katanya. - Bernama.

(END)